



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

LAPORAN LIPUTAN MEDIA

Rabu, 08 Mac 2023

DISEDIAKAN OLEH :
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT,
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

Operasi tangkap lembu

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
My Metro	Online	



Dengkil: Majlis Perbandaran Sepang (MPSepang) akan bekerjasama dengan Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) Selangor bagi menjalankan operasi menangkap lembu yang berkeliaran di sekitar Jalan Dengkil-Kajang, dekat sini.

Yang Dipertuanya Datuk Abd Hamid Hussain berkata, pihaknya hanya boleh mengambil tindakan jika haiwan itu berada di kawasan awam dan merosakkan harta.

"Tetapi jika di luar kawasan seliaan majlis, agak sukar (ambil tindakan). JPV yang mempunyai hak kuasa penuh untuk mengambil tindakan.

"Untuk operasi tangkapan pun kita akan lakukan bersama JPV, majlis tidak boleh pergi membuat tangkapan sendiri. Kalau lembu itu mati dan sebagainya, kita pula nanti akan dipersalahkan," katanya ketika dihubungi Harian Metro.

Semalam Harian Metro melaporkan kawasan sekitar Jalan Dengkil-Kajang berhampiran Kampung Jenderam Hilir di sini, umpama 'safari terbuka' apabila banyak lembu berkeliaran sehingga mengundang bahaya.

Haiwan itu dilepaskan bebas berkeliaran tanpa mengira waktu, dan lebih teruk pada waktu malam, sekali gus menggugat keselamatan pengguna jalan raya dan penduduk sekitar.

Difahamkan haiwan berkenaan mempunyai pemilik tetapi dibiarkan berkeliaran.

Mengulas mengenai cadangan pemasangan lampu jalan, Abd Hamid berkata, laluan Jalan Dengkil-Kajang adalah di bawah selenggaraan Jabatan Kerja Raya (JKR).

"Jadi, penduduk perlu kemukakan permohonan (pemasangan lampu-lampu jalan) kepada pihak JKR sebab ia bukan seliaan majlis," katanya.

Banjir Johor: Lebih 10,000 ternakan lemas, kerugian lebih RM10 juta

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
Malaysia Gazette	Online	



MELAKA – Sekurang-kurangnya 10,000 haiwan ternakan dilaporkan lemas akibat banjir besar yang melanda Melaka sejak 1 Mac lalu melibatkan kerugian lebih RM10 juta.

Exco Pertanian, Industri Asas Tani dan Kemajuan Luar Bandar negeri, Datuk Zahari Sarip berkata, Jabatan Perkhidmatan Veterinar dalam laporan setakat 3 Mac lalu memaklumkan seramai 251 penternak terjejas akibat banjir.

Mereka adalah antara 93,000 penternak di seluruh negeri yang kehilangan 8,180 ekor ternakan haiwan ruminan seperti lembu, kambing, kerbau dan rusa di sembilan daerah. “Daripada jumlah itu, Mersing merekodkan korban ternakan tertinggi berjumlah 1,432 ekor, Segamat (1,250) Kluang (1,225), Muar (1,140) dan Tangkak sebanyak 1,050 ekor.

“Manakala bagi haiwan bukan ruminan, daerah Muar merekodkan korban 1,000 ekor ayam selain 250 ekor ayam di Batu Pahat,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui media selepas melakukan tinjauan kerosakan tanaman di Kampung Spang Loi, Buluh Kasap, di sini hari ini.

Ditanya mengenai anggaran jumlah kerugian, Zahari yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Buluh Kasap berkata, beliau tidak menolak kemungkinan ia bernilai lebih RM10 juta mengambil kira angka yang dijangka meningkat.

“Saya jangkakan laporan angka korban ternakan ini akan bertambah kerana maklumat yang diperolehi adalah setakat empat hari lalu yang pastinya melibatkan nilai yang besar jika diambil purata seekor RM1,000.

“Esok saya akan mempengerusikan mesyuarat jawatankuasa tindakan khas banjir di bawah portfolio saya untuk mendapatkan maklum balas tepat anggaran kerugian daripada semua agensi terlibat,” katanya.

Tambahnya, semua petani dan penternak negeri yang terjejas akibat banjir terburuk di Johor kali ini diminta segera berhubung dengan Pejabat Pertanian Daerah untuk menyatakan laporan kerosakan. “Ini penting untuk kita fikirkan bantuan yang mungkin boleh diberikan sama ada oleh kerajaan Pusat ataupun negeri,” katanya.

Veterinary dept to monitor entry of beef consignment from Brazil

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
New Straits Times	Online	



KUALA LUMPUR: The Veterinary Services Department will monitor the entry of beef consignments from Brazil following reports of mad cow disease in the South American nation, Agriculture and Food Security Minister Datuk Seri Mohamad Sabu said.

"Not all places are experiencing the outbreak, but the Veterinary Department will keep monitoring the import process.

"This is because Malaysia is among countries that actively evaluates imported materials that enter our country," he told reporters here today.

He was commenting on a recent media report quoting the Brazilian Ministry of Agriculture as saying a confirmed case of mad cow disease in Brazil discovered last month is atypical or not representative of the norm.

Following that, the international media last Saturday reported that Thailand, Iran and Jordan have temporarily suspended the import of beef from Brazil.

Earlier, Mohamad witnessed the signing of a lease agreement between the Federal Land Commissioner and seven statutory bodies under the ministry at the Farmers' Organisation Board here.

Also present was Natural Resources, Environment and Climate Change Minister Nik Nazmi Nik Ahmad.

Penternak rugi RM200,000, 50 lembu mati keracunan		
MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
My Metro	Online	



Alor Gajah: Seorang penternak lembu kerugian hampir RM200,000 selepas kira-kira 50 ekor haiwan ternakannya ditemui mati disyaki terkena racun dalam kejadian di sebuah kebun durian di Machap Umboo, di sini, hari ini.

Ketua Polis Daerah Alor Gajah Superintendan Arshad Abu berkata, pada awalnya kejadian disedari oleh penjaga haiwan kira-kira jam 7.30 pagi apabila menemui dua lembu miliknya mati di tanah kebun berhampiran.

"Sejurus mendapat tahu hal itu, penternak lembu berusia 42 tahun itu kemudian bergegas ke lokasi kejadian bersama adiknya.

"Setibanya di situ, dia mendapati hampir 50 ekor lembu miliknya bergelimpangan mati di sekitar kawasan tanah kebun terbabit," katanya.

Beliau berkata, kali terakhir lelaki itu melihat haiwan peliharaannya kira-kira jam 6.30 petang semalam dan ketika itu kesemua lembu terbabit berada dalam keadaan baik.

"Disebab faktor cuaca hujan, pemiliknya dikatakan tidak memasukkan lembu peliharaannya ke dalam kandang seperti kebiasaan sebaliknya dibiarkan berkeliaran mencari makanan di dalam ladang sawit," katanya.

Mengulas lanjut Arshad berkata, hasil siasatan dijalankan di kawasan kejadian mendapati terdapat kesan ceroboh pada pagar kebun.

"Hasil siasatan mendapati kumpulan lembu itu menceroboh ke kawasan tanaman kebun durian terbabit selain terdapat kesan pagar roboh akibat dirempuh binatang.

"Malah siasatan dilakukan Jabatan Perkhidmatan Veterinar dengan mengambil sampel pada haiwan itu mendapati kemungkinan lembu itu mati akibat keracunan berdasarkan keadaan mulut berbuih serta organ keluar darah," katanya.

Ujarnya, siasatan berhubung kejadian masih diteruskan selain kes disiasat mengikut Seksyen 428 Kanun Keseksaa